

**NAQUL INSAN™: REKA BENTUK WASILAH DAKWAH ABAD KE-21  
 CENDEKIAWAN ISLAM PINTAR BERBAKAT (GTMS)**

***NAQul Insan™: A Design of 21st Century Method Of Dakwah By Gifted And  
 Talented Muslim Scholars***

Faszly Rahim<sup>i</sup> & Ahmad Bazli Ahmad Hilmi<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Kolej PERMATA Insan, USIM. faszly@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, USIM. ahmadbazli@usim.edu.my

Article Progress

Received: 30 Oktober 2018

Revised: 25 December 2018

Accepted: 26 December 2018

Abstrak	Abstract
<p>Tema ayat-ayat Makkiah antaranya ialah ajakan kepada mentauhidkan Allah SWT dan salah satu pendekatan yang Allah SWT gunakan ialah berhujah dengan bukti rasional, analogi dan ayat kawaniyyat bagi mendepani golongan musyrik. Artikel ini bertujuan memperkenalkan satu reka bentuk wasilah dakwah abad ke-21 melalui perbincangan ayat kawaniyyat sebagai pendekatan dakwah dalam kalangan Cendekiawan Islam Pintar Berbakat. Metodologi kajian perpustakaan telah digunakan dalam mereka bentuk NAQul Insan™; satu persembahan bicara ilmiah mengenai pentafsiran ayat kawaniyyat berorientasikan fakta sains moden (tafsir ilmi) dan format persembahannya menampilkan paparan audiovisual berterusan. Paparan audiovisual tersebut mengiringi pembicara tanpa henti sebagai latar belakang (background) yang memperincikan maksud kepada pembicara di hadapan (foreground). Kajian mendapati NAQul Insan™ merupakan satu medium dakwah yang seiring dengan uslub zaman perkembangan pengetahuan dan kecanggihan teknologi yang menuntut sesuatu bukti empirikal. Perbincangan ayat kawaniyyat adalah relevan kerana Allah SWT lebih</p>	<p>One of the themes discussed in Makkiah verses is invitation to Tawhid and the approach in which Allah SWT confronts the musyrikin is the use of rasional evidences, analogy, and kawaniyyat verses as methods to face the musyrik. This article aims to introduce a design of 21st century method of dakwah through kawaniyyat verse discussion as a da'wah approach among Gifted And Talented Muslim Scholars. Library research method was used in designing NAQul Insan™; an academic scholarly talk on the modern science-oriented exegesis of kawaniyyat verses (tafsir 'ilmi) using a casual public speaking presentation techniques with multimedia features. The streaming audiovisual display accompanies speakers at the background which details the meaning for the stand upper. The study found NAQul Insan™ is a medium of dakwah that is in line with the era of knowledge developmental and technological sophistication which demanded an empirical evidences. The ayat kawaniyyat thematic discussion are relevant as current approach for dakwah because Allah SWT knows best more about things that touches the human heart and the nature of the human event itself, to make</p>

<p>mengetahui perkara yang dapat menyentuh jiwa manusia dan hakikat kejadian manusia itu sendiri. Apa yang berbeza hanyalah tahap pengetahuan dan kemajuan tamadun pada zaman tersebut dalam memahami maksud ayat tersebut. Reka bentuk ini merupakan usaha berterusan dalam mentadabbur Al-Quran selain menjadi model pembentangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pidato umum, serta menjadi wadah pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang lebih segar dan efektif.</p> <p><b>Kata kunci:</b> ayat kawaniyyat, pidato umum, sains moden, tadabbur dan tafsir ilmi.</p>	<p>things effective. What makes a difference in acceptance is the level of knowledge and progress the current state of civilizational progression during that time in pursuit to understanding the meaning of the verses. This design is an ongoing effort for tadabbur of the Quran as well as being a model of presentation in teaching and learning processes, public speaking style, and as a fresher and effective national and international competitions to be introduced widely.</p> <p><b>Keywords:</b> kawaniyyat verse, public speaking, modern science, tadabbur and tafsir ilmi.</p>
---	---

## PENDAHULUAN

Al-Quran yang diturunkan Allah SWT mempunyai hak yang tersendiri ke atas seluruh manusia amnya dan Muslim khususnya. Ulama menggariskan beberapa hak Al-Quran terhadap manusia antaranya: beriman bahawa Al-Quran adalah Kalam Allah; mengagungkan Al-Quran dengan sebenar-benarnya; membaca al-Quran dengan sebenar-benar pembacaan (antara hak pembacaan termasuklah menghafal dalam ingatan dan lubuk hati); mengkaji dan memahami kandungan Al-Quran; memberikan segala perhatian kepada ketinggian bahasa; memahami ilmu-ilmu Al-Quran dan berpegang pada hukum hakam; seterusnya menjadikan Al-Quran sebagai landasan hidup ('Atar, 1993).

Menyentuh perihal tanggungjawab mengkaji dan memahami kandungan Al-Quran, perkara yang sering dipandang ringan oleh umat Islam ialah *ayat kawaniyyat* (ayat Al-Qur'an berkaitan dengan penciptaan) sedangkan hampir satu perenam kandungan Al-Qur'an menyebut tentang penciptaan alam dan keindahannya (Al-Najjar, 2007). Sebaliknya dewasa ini masyarakat bukan Islam lebih banyak melakukan kajian terhadap alam, padahal perbincangan ayat-ayat Makkiah meliputi tema yang utama mengenai dakwah yang antaranya adalah ajakan kepada mentauhidkan Allah SWT. Dalam mendepani golongan musyrik, salah satu pendekatan yang Allah SWT gunakan ialah berhujah dengan bukti rasional, analogi dan *ayat kawaniyyat*.

Bilangan *ayat kawaniyyat* yang banyak sudah pasti memainkan peranan yang cukup penting dalam penurunan Al-Quran kepada umat manusia iaitu peranan utama adalah menyatakan kewujudan Pencipta dan Pentadbir Yang Maha Esa (Siti Masaliny, 2005). Dalam *ayat kawaniyyat* dinyatakan berulang kali bahawa sesungguhnya Allah SWT yang menciptakan segala apa yang di langit dan di bumi termasuk manusia itu sendiri. Malah Allah SWT juga yang mentadbir perjalanan sistem alam semesta daripada sebesar-besar jirim hingga yang sekecil-kecilnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Allah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang mentadbirkan serta menguasai segala-galanya." [Surah al-Zumar (39): Ayat 62]

Allah SWT berfirman dalam ayat lain yang maksudnya:

“Dan orang-orang yang kafir berkata: Hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami. Katakanlah (wahai Muhammad): Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu. Tiada tersembunyi dari pengetahuanNya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi dan tidak ada yang lebih kecil dari itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.” [Surah Saba’ (34): Ayat 3]

Pada masa yang sama umat Islam bertanggungjawab menyambung tugas Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan risalah tauhid kepada masyarakat bukan Islam. Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tuntutan dakwah kepada golongan musyrik itu merupakan tuntutan yang perlu dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW walaupun pada zaman tersebut masih tidak ditemukan lagi suatu benda yang kecil (kalimah *zarrah* sebagaimana disebut dalam ayat tersebut) di bumi inikan pula di langit yang memberi kepuasan bukti kepada mereka golongan Arab Jahiliyyah yang menafikan ketauhidan Allah SWT. Ini memberikan makna yang mendalam bahawa *ayat kawniyyat* ini memerlukan satu daya usaha yang tinggi untuk difahami dan masih relevan hingga ke hari ini.

Tema perbincangan *ayat kawniyyat* sebagai pendekatan dakwah adalah relevan kerana Allah SWT lebih mengetahui perkara yang dapat menyentuh jiwa manusia dan hakikat kejadian manusia itu sendiri. Apa yang berbeza hanyalah tahap pengetahuan dan kemajuan tamadun pada zaman tersebut dalam memahami maksud ayat-ayat tersebut. Oleh yang demikian, penulis merasakan satu lonjakan paradigma diperlukan dalam dunia dakwah dewasa ini seiring dengan perkembangan pengetahuan dan kecanggihan teknologi yang berupaya memberi faham kepada khalayak umum akan maksud ayat-ayat *kawniyyat* tersebut secara empirikal atau bernisbi supaya dapat dihayati oleh segenap umat manusia.

#### **PENGENALAN AYAT KAWNIYYAT**

*Ayat kawniyyat* merupakan gabungan dua perkataan “*al-ayat*” dan “*kawniyyat*”. “*Al-ayat*” adalah satu kalimah Arab dalam bentuk tunggal, manakala jamak bagi *al-ayat* pula adalah *al-ayat* atau *al-ay*. Dari sudut bahasa *al-ayat* mempunyai beberapa makna, antaranya ialah tanda atau alamat (Al-Fayruzabadi, 2005). Menurut al-Shaybani *al-ayat* juga bererti kumpulan atau golongan. Makna lain bagi *al-ayat* ialah diri seseorang seperti ungkapan “*ayat al-rajul*” bermaksud dirinya. Sementara *al-ayat* daripada Kitabullah ialah kumpulan-kumpulan huruf atau perkataan daripadanya yang terpisah berdasarkan ungkapan secara lafaz

(Mohd Yusoff, 2009). Penggunaan lafaz *al-ayat* dengan makna ini secara langsung merujuk kepada ayat-ayat Al-Qur'an al-Karim.

Perkataan *al-kawn* pula adalah kata terbitan kepada *kana* yang bermaksud alam semesta (keseluruhan kehidupan yang mempunyai tempat dan waktu), jamak bagi *kawn* pula ialah *akwan* ('Ammar, 2008). Dalam erti kata lain *al-kawn* merujuk kepada semua jenis ciptaan sama ada fizikal ataupun biologikal, sama yang telah sedia diketahui seperti langit, bumi, gunung, sungai, haiwan, tumbuhan, manusia, mahupun makhluk-makhluk lain yang belum berjaya dicerap oleh indera manusia. *Kawniyyat* adalah kata nisbah kepada *al-kawn* ('Ammar, 2008) yang berfungsi sebagai kata sifat kepada *al-ayat*.

Maka, gabungan kata *ayat* dan *kawniyyat* memberi erti ayat-ayat Al-Qur'an yang mempunyai kaitan dengan ciptaan atau alam semesta sama ada secara langsung atau tidak langsung yang perlu dihayati oleh manusia melalui perhitungan yang termampu mengikut zamannya.

## **PENDEKATAN TAFSIR 'ILMI DALAM PENTAFSIRAN AYAT KAWNIYYAT**

Memandangkan *ayat kawniyyat* berbicara perihal penciptaan, pendekatan sesuai dalam mentafsirkan ayat tersebut ialah melalui ilmu sains. Ini kerana sains bermula daripada pandang alam, memperihal fenomena tersebut, menguji secara empirik keberulangan fenomena tersebut, pada kebarangkalian yang tinggi, pada masa dan ruang yang berbeza. Namun demikian, pentafsiran Al-Quran masih tertakluk kepada garis panduan dan piawaian tertentu. Pentafsiran Al-Quran berorientasikan fakta sains dinamakan dengan tafsir 'ilmi.

### **Definisi Tafsir 'Ilmi**

*Tafsir 'ilmi* merupakan satu istilah moden yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu *tafsir* dan *'ilmi* (Al-Shiddi, 2010). Ulama memberikan takrifan berbeza terhadap gabungan kata *tafsir* dan *'ilmi*. Al-Dhahabi mendefinisikan *tafsir 'ilmi* sebagai tafsir yang membincangkan istilah-istilah sains menurut ibarat Al-Qur'an dan berusaha mengeluarkan pelbagai ilmu dan pendapat-pendapat berbentuk falsafah daripada istilah-istilah tersebut (Al-Dhahabi, 2000). Menurut Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi *tafsir 'ilmi* ialah tafsiran ayat Al-Qur'an secara ilmiah yang menepati kaedah-kaedah sains moden dan penjelasan makna saintifik terhadap ayat-ayat Al-Qur'an selaras dengan ketentuan dan analisis sains moden (Al-Khalidi, 2008).

Fahd al-Rumi pula mentakrifkannya sebagai ijtihad *mufassir* dalam membongkar hubung kait antara ayat-ayat *kawniyyat* Al-Qur'an dan penemuan-penemuan sains dalam rangka menzahirkan *i'jaz* Al-Qur'an yang menunjukkan dan mengembalikan kepada sumber asalnya yakni Allah SWT dan kesesuaiannya untuk setiap masa dan tempat (Al-Rumi, 1997). Ada juga yang memberi takrifan *tafsir 'ilmi* sebagai penyingkapan makna ayat Al-Qur'an dalam rangka untuk mengesahkan kebenarannya terhadap teori-teori ilmu berkaitan ciptaan (Al-Muslih & Al-Sawi, 2008). Definisi lain bagi *tafsir 'ilmi* ialah penggunaan

pengetahuan yang eksperimental dalam usaha menambah penjelasan makna ayat dan memperluaskan konotasi (lihat Noresah Baharom, 2005) – asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat bagi ayat tersebut (Al-Shidi, 2010).

Berdasarkan beberapa definisi di atas kami simpulkan bahawa *tafsir 'ilmi* adalah satu ijtihad dalam pentafsiran Al-Qur'an berorientasikan sains dalam usaha menjelaskan makna secara saintifik terhadap ayat-ayat Al-Qur'an terutama yang berkisar pada persoalan penciptaan atau ayat-ayat *kaawniyyat* yang menepati kaedah-kaedah dan analisis sains moden dalam rangka untuk mengesahkan kebenaran Al-Qur'an terhadap hakikat berhubung ciptaan atau *al-kaawn*.

Namun, penulis tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa Al-Qur'an menyebutkan teori-teori ilmu berkaitan penciptaan alam, ini kerana Al-Qur'an hanya menyatakan hakikat sesuatu penciptaan ('Atar, 1993). Teori masih terbuka kepada uji kaji namun hakikat merupakan realiti yang tidak dapat disangkal dan dinafikan kebenarannya. Justeru sains hanya berperanan sebagai penyokong keabsahan hakikat yang telah dinyatakan dalam Al-Qur'an. Apa yang lebih penting adalah, kerja dan usaha sains itu adalah untuk memberikan kepuasan memahami makna ayat-ayat Allah SWT dengan lebih terperinci dan bernisbi yang dapat menimbulkan rasa kerdilnya manusia sebagai makhluk ciptaan Yang Maha Esa.

### **Piawaian Tafsir 'Ilmi**

Para ulama telah bersepakat dalam meletakkan kaedah umum yang mesti diberi perhatian bagi sesiapa yang ingin mentafsirkan Al-Qur'an tidak kira apa jua jenis dan aliran tafsir termasuklah juga *tafsir 'ilmi*.

Al-'Ak (1986) menyatakan kaedah umum tersebut ialah *mufasssir* mestilah mentafsirkan Al-Qur'an dengan Al-Qur'an itu sendiri terlebih dahulu. Jika tidak didapati hendaklah mentafsirkan Al-Qur'an dengan Al-Sunnah kerana ia merupakan penerang kepada Al-Qur'an. Jika tidak didapati hendaklah merujuk kepada kata-kata para Sahabat RA kerana mereka lebih mengetahui tentang peristiwa dan keadaan semasa penurunan Al-Qur'an. Namun yang diambil hanyalah perkara yang *sahih* daripada mereka. Jika masih tidak didapati hendaklah mentafsirkan dengan kata-kata Tabi'in. Pentafsiran berdasarkan sumber-sumber ini dinamakan sebagai *al-tafsir bi al-ma'thur* atau *al-naqli* (Al-'Ak, 1986).

Sekiranya masih tidak didapati dalam sumber-sumber utama tersebut maka tiada cara lain bagi *mufasssir* selepas daripada itu kecuali untuk menggunakan fikiran, mencari idea dan menggandakan usaha dalam mencari pendedahan tentang apa yang dimaksudkan oleh Allah SWT (Al-Dhahabi, 2000). Dalam erti kata *mufasssir* hendaklah berijtihad apabila dia memenuhi syarat-syarat ijtihad.

Oleh kerana *tafsir 'ilmi* tidak terkeluar daripada konsep pentafsiran berdasarkan ijtihad dalam menjelaskan Al-Qur'an, menerangkan maknanya dan mendedahkan apa yang dikehendaki nas Al-Qur'an, isyarat atau isi kandungannya, maka *tafsir 'ilmi* tidak dianggap diterima selagi tidak menepati kaedah *tafsir bi al-ra'y* secara umum dan piawaian *tafsir 'ilmi* secara khusus.

**i) Kaedah *tafsir bi al-ra'y* secara umum:**

Para ulama telah meletakkan beberapa kaedah yang perlu diambil kira dalam mentafsirkan Al-Qur'an menggunakan *al-ra'y* (ijtihad) sebagaimana berikut (Al-Dhahabi, 2000):

1. Keselarian tafsir dengan pentafsiran, tanpa pengurangan dalam keperluan penjelasan makna dan tanpa penambahan yang tidak berkaitan dengan topik dan tidak sesuai dengan kedudukan.
2. Mengambil kira makna *haqiqi* dan makna *majazi*, kemungkinan apa yang dikehendaki adalah *majazi* kemudian dianggap percakapan tersebut sebagai *haqiqi* ataupun sebaliknya.
3. Mengambil kira komposisi dan tujuan yang ditunjukkan dalam percakapan, selain mengintegrasikan *mufradat* (perbendaharaan kata).
4. Mengambil kira perkaitan antara ayat, menjelaskan bentuk perkaitan dan menghubungkan ayat yang sebelum dan selepas sehingga jelas bahawa Al-Qur'an tiada perpecahan padanya.
5. Memberi penekanan kepada *asbab al-nuzul*. Hendaklah menyatakan sebab penurunan ayat selepas menjelaskan perkaitan sebelum memasuki perbincangan ayat.
6. Memulakan perbincangan dengan apa yang berkaitan dengan lafaz-lafaz tunggal dari segi *al-nahw*, *al-sarf* dan *al-ishtiqaq*. Kemudian disusuli perbincangan berdasarkan susunan ayat yang dimulai dengan *al-i'rab*, *al-ma'ani* dan *al-bayan*. Seterusnya menjelaskan makna yang dikehendaki dan mengistinbatkan apa yang mampu daripada Al-Qur'an dalam batasan hukum-hukum syariat.
7. Hendaklah *mufassir* menjauhi dakwaan pengulangan dalam Al-Qur'an sekadar yang mampu, menjauhi apa yang dianggap sebagai pengisi dalam tafsiran seperti perbincangan panjang dalam menyebut kecacatan *al-nahw* dan menjauhi daripada menyebut apa yang tidak sah berkaitan *asbab al-nuzul*, hadith fadilat dan sebagainya.

8. *Mufassir* mestilah melakukan pentarjihan dan memilih *wajh* (sudut pandang) yang rajih dengan bijak lagi waspada sekiranya ayat tersebut mempunyai lebih daripada satu *wajh* (sudut pandang).

## ii) Piawaian *Tafsir 'Ilmi* Secara Khusus:

Sebagaimana dinyatakan dalam perbincangan di atas, sebahagian ulama telah meletakkan piawaian tertentu bagi membolehkan *ayat-ayat kawuniyyat* dalam Al-Qur'an ditafsirkan menggunakan pendekatan proses sains agar tidak termasuk dalam kategori *al-tafsir bi al-ra'y al-madhmum*. Antara piawaian tersebut ialah:

1. Menepati bahasa Arab dengan sempurna di mana makna yang ditafsirkan sepadan dengan makna dari sudut Bahasa ('Abbas, 2005).
2. Tidak bercanggah dengan *ma'thur* yang sahih daripada Rasulullah SAW atau sesuatu yang hukumnya adalah *marfu'* ('Abbas, 2005).
3. Menepati konteks ayat Al-Qur'an agar pentafsiran tidak lari daripada konteks tersebut ('Abbas, 2005).
4. Berwaspada daripada mendedahkan *tafsir 'ilmi* kepada perkhayaban dan keadaan mukjizat-mukjizat atau hari akhirat ('Abbas, 2005).
5. Mentafsirkan al-Qur'an berdasarkan fakta saintifik yang terbukti dan mengelak daripada melibatkan teori palsu lagi kuno ('Abbas, 2005).

Perbezaan antara fakta sains dan teori sains ('Umar, 2007) ialah:

**Fakta sains:** Perkara yang diiktiraf kejadiannya dan telah dicapai melalui uji kaji saintifik dan pemerhatian.

**Teori sains:** Penjelasan satu keadaan tertentu yang masih dibahaskan melalui perbandingan dengan andaian kedua kerana ia adalah semata-mata anggapan, tekaan dan sangkaan.

6. Mengelak daripada melampau dalam membawa nas kepada makna yang ingin diistinbatkan. Makna yang dipegang ialah sesuatu yang dibantu oleh bahasa dan apa yang ditunjukkan oleh frasa tanpa paksaan. Antara contoh dalam mengambil kira aspek bahasa ialah tidak membawa makna lafaz-lafaz Al-Qur'an kepada makna yang dikemaskinikan pada zaman moden yang mana bukanlah apa yang

dimaksudkan dalam nas secara pasti seperti kalimah “ذرة” difahami dengan makna zarah dalam istilah ilmu fizik (Al-Qardawi, 1997).

7. Mengelak daripada menuduh umat sebagai jahil kesemuanya. Tidak menganggap bahawa *tafsir 'ilmi* merupakan satu tohmahan bahawa seluruh umat – termasuk juga tiga kurun terbaik – tidak memahami Al-Qur'an. Apa yang patut diakui ialah corak tafsir seperti ini merupakan tambahan kepada yang sebelumnya dan bukan pembatalan kepada kesemuanya. Justeru tiada halangan untuk menambah pemahaman baru terhadap Al-Qur'an kerana keajaibannya tidak pernah terhenti (Al-Qardawi, 1997).
8. Mengetahui hakikat yang pasti bahawa Al-Qur'an adalah sebuah kitab petunjuk dan mempunyai *i'jaz* dan Al-Qur'an tidak pernah diturunkan untuk menjadi satu kitab dalam satu-satu ilmu seperti perubatan, falak atau sebagainya. Al-Qur'an lebih hebat daripada semua itu dan lebih agung, tetapi Al-Qur'an mengandungi banyak fakta dan pengetahuan ilmu-ilmu tersebut yang mengagumkan ulama dan pakar-pakar untuk membuktikan kebenaran dan *i'jaznya* dan mereka mengetahui bahawa Al-Qur'an adalah kitab kebenaran ('Umar, 2007). Berdasarkan peraturan teguh ini ulama masa kini telah memberi peringatan kepada dua perkara penting ('Umar, 2007):  
  
**Pertama:** Umat Islam tidak perlu tergesa-gesa dalam mendapatkan kesepadanan antara sains dan Al-Qur'an, bahkan wajib mengkaji apa yang terdapat dalam Al-Qur'an dengan pegangan bahawa Al-Qur'an adalah hakikat yang pasti.  
  
**Kedua:** Tidak mentafsirkan Al-Qur'an kecuali dengan fakta sains yang kukuh bukan dengan teori dan hipotesis kerana teori-teori terdedah kepada pembedahan dan pindaan.
9. Mengetahui kontradiksi antara *tafsir 'ilmi* moden dan tafsir klasik. Kontradiksi antara keduanya bermaksud saling bertindih dan tidak serasi di mana apabila salah satunya menunjukkan satu perkara sebagai contoh, yang satu lagi menunjukkan kepada pertentangannya hatta tidak mungkin diserasikan antara keduanya dalam apa jua cara. Adapun jika terdapat perbezaan antara keduanya tanpa pertentangan dan boleh diserasikan maka tidak dinamakan kontradiksi ('Umar, 2007).
10. Menjauhi daripada semua kesilapan yang berlaku dalam sebahagian kitab *tafsir 'ilmi* seperti Tantawi al-Jawhari yang meletakkan banyak gambar haiwan dan landskap dalam tafsir beliau dan pergantungan



beliau terhadap apa yang datang daripada Plato dalam Republiknya atau daripada Ikhwan al-Safa ('Umar, 2007).

Kesimpulan kepada syarat-syarat ini adalah *tafsir 'ilmi* ialah walaupun memenuhi kesemua syarat yang menjadikan tafsir ini sesuatu yang terpuji, tiada nilainya jika ia bertentangan dengan *al-tafsir bi al-ma'thur* yang dikukuhkan dengan nas yang *qat'i*. Ini kerana *tafsir 'ilmi* adalah ijtihad dan tiada ruang untuk ijtihad dalam sumber nas - seperti mana diputuskan ulama *usuliyyun*- namun jika tiada percanggahan antara *tafsir 'ilmi* dan *tafsir bi al-ma'thur*, maka setiap daripada keduanya saling menyokong dan mengukuhkan. Inilah apa yang didapati dalam tafsir golongan yang benar-benar mengikuti jalan lurus dalam bidang ini ('Umar, 2007).

## INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI DALAM GERAKAN DAKWAH MASA KINI

Setelah jelas akan keperluan piawaian tafsir 'ilmi sebagaimana perbincangan di atas, maka tuntutan dakwah menjadi satu wadah perubahan yang berupaya menganjak paradigma sesuai dengan zaman. Islam sememangnya mendorong perubahan dan kemajuan sebagai tuntutan fitrah manusia dan pelengkap proses kesempurnaan tersebut terkandung dalam setiap syariat Islam. Kejayaan ini telah terakam dalam sejarah transformasi Arab Jahiliyyah kepada ketamadunan yang tinggi pada zaman Rasulullah SAW (Md Zin, 2016).

Sudah tentu perubahan yang berlaku dalam masyarakat pada zaman Rasulullah SAW itu adalah berpandukan ayat-ayat yang turunnya bertepatan dengan peristiwa, masa dan mengikut keperluan masyarakat pada masa dan ketika tertentu – *asbab al-nuzul*. Akan tetapi hikmah, pengajaran dan tadabburnya terpakai sepanjang zaman. Ini membuktikan kemukjizatan Al-Qur'an yang tiada tolok bandingnya sebagai '*kitab la raiba fih huda li al-muttaqin*' (kitab yang tiada keraguan padanya dan menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa) [Surah al-Baqarah (2): ayat 2]. Kerana itulah kami menegaskan bahawa Al-Qur'an merupakan sumber ilmu yang hakiki manakala usaha pentafsiran ayat-ayat *kawniyyat* sebagai nikmat keimanan kepada kitabullah itu.

Ayat-ayat *kawniyyat* yang telah diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW menuntut kepada pemahaman manusia hingga ke akhir zaman yang sesetengahnya bernilai tinggi disebabkan ketinggian bahasa dan sasteranya (*balaghah*). Pun begitu, ayat-ayat *kawniyyat* yang menuntut manusia untuk memikirkan tentang kejadian langit dan bumi merupakan ayat-ayat yang jelas maksudnya supaya manusia memerhati, mengamati serta membuat inferensi dan sintesis hasil daripada pandang alam tersebut (Rahim, et al. 2015; Iksan et al., 2015). Maka, di situlah berlakunya proses sains bagi memahami fenomena alam yang disebut secara terang-terangan akan maudhu' atau subjek ayat-ayat tersebut.

Perhatikan sahaja ayat-ayat yang dimulakan dengan kalimah-kalimah “*afala yandzuru*”, “*awalam yaraw*”, “*alam tara’an*” dan yang seumpamanya. Kesemua ayat ini menuntut kita menggunakan pancaindera dan akal bagi menghitung serta membuat sintesis apa yang perlu dipandang, dilihat, dirungkaikan dan dimanfaatkan seterusnya. Selain itu, ayat-ayat yang menganalogikan sesuatu dengan makhluk-makhluk lain atau perilaku makhluk tersebut, terutamanya haiwan, juga menuntut pandang alam supaya dapat difahami maksudnya kelak. Akhirnya apabila jawapan ditemukan walaupun maksud hakikatnya hanya pada Allah SWT, sudah cukup menambah keimanan pengkajinya. Kemudian, setelah difahami sesuatu itu maka tuntutan dakwah terpikul dibahu mukmin bagi menyampaikan maksud ayat tersebut.

Dakwah merupakan satu tuntutan berterusan dan menjadi tugas para Rasul dan Anbiya’ serta menjadi suatu kewajipan bagi setiap Muslim (Tibek, 2011). Tanpa disedari, setiap Muslim sebenarnya melaksanakan dakwah. Ini dapat dialami dalam beberapa situasi dan persoalan sama ada, pertama, setiap Muslim tanpa sedar telah melakukan dakwah dengan sengaja atau tidak. Kedua, sama ada setiap Muslim yang sengaja melakukan dakwah telah melaksanakan dengan efektif atau tidak. Ketiga, sama ada dakwah telah dianggap merupakan ilmu atau sebaliknya (Salmadani, 2009). Ini melibatkan penyampaian kandungan yang bertepatan maksud sebagai mana tuntutan ke atas piawaian tafsir ‘ilmi. Maka di sinilah pengintegrasian ilmu naqli dan aqli saling melengkapi dalam keperluan menyampaikan dakwah (Md Zain, 2016) serta maksud ayat-ayat kawaniyyat dalam situasi masyarakat masa kini (Rahim et al. 2016; Othman et al. 2015).

Tonggak kepada dakwah dalam penyampaian ilmu itu termaktub pada Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125. Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan bahaskanlah mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan akan orang yang mendapat hidayah petunjuk”. [Surah An-Nahl (24): ayat 125]

## **DAKWAH DALAM KALANGAN GENERASI PINTAR BERBAKAT**

Pendekatan dakwah dalam Islam adalah seiring dengan peredaran zaman iaitu secara aman, mengelakkan kekerasan dengan mengutamakan dakwah *bil mau’izah wal hasanah* dan dakwah *bil hal* (Md Zain, 2016). Apa yang utama dan menjadi tanggungjawab dakwah ialah menegakkan ‘*amar makruf*’ dan ‘*nahi mungkar*’ (Tibek, 2011). Manakala komponen utama yang tidak boleh dipisahkan dalam dakwah ialah pendakwah (da’i) itu sendiri, sasaran dakwah (mad’u), gaya (uslub), metodologi (wasilah) dan topik (maudhu’) (Md Zin, 2016).

Dakwah *bil hikmah* merujuk kepada sudut pendekatan dakwah (uslub) dan metodologi (wasilah) yang berjaya menyampaikan maksud kepada khalayak pendengar atau penerima sesuai dan praktikal dengan zaman (Zakariya & Mohamad, 2013). Dengan kepesatan pembangunan dan kemajuan sains dan teknologi kini, masyarakat sudah semakin celik dan rasional dalam mempertimbangkan antara fakta ataupun metafora. Namun, kadangkala wujud keterlaluan dalam percubaan meng"sains"kan Al-Quran yang sebenarnya tidak harus berlaku. Kemajuan kepesatan teknologi terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi menyumbang kepada senario ini sebagai mana gelaran yang diberikan kepadanya iaitu "dunia tanpa sempadan".

Oleh yang demikian, gerakan dakwah juga perlu sesuai dengan tren generasi masa kini bagi membolehkan risalah tauhid, aqidah dan syiar Islam tersebar selari dengan kepesatan ini. Media dilihat sebagai satu wasilah dakwah yang efektif untuk menerobos kehendak dan gaya hidup generasi masa kini (Zakariya & Mohamad, 2013). Perubahan dalam teknologi media dan ICT memperlihatkan bahan dakwah yang dahulunya eksklusif di madrasah, masjid atau surau kini telah dapat menjangkau khalayak yang lebih ramai dengan bermulanya bahan rakaman kaset dan VCD (Abd. Ghani, 2009) kepada bentuk-bentuk atas talian dan mudah capai dalam rangkaian laman sesawang dan YouTube (Zakariya & Mohamad, 2013) selain dalam media perdana seperti televisyen dan radio yang diselenggara badan berkanun kerajaan seperti TV Al-Hijrah dan Radio IKIM.fm (Md Zain, 2016). Tambahan pula, apabila membicarakan generasi dan populasi pintar dan berbakat, cabaran dalam memberikan kepuasan kepada persoalan yang bermain di fikiran mereka menjadi kayu ukur keberjayaan dakwah. Pendidikan abad ke-21 meletakkan kemahiran ICT sebagai komponen utama dalam transformasi pendidikan global yang melibatkan literasi era digital, pemikiran inventive, komunikasi efektif dan produktiviti tinggi (Tuan Soh et al., 2012).

Istilah pintar berbakat telah dibahaskan sejak Clark (1979) dan kini oleh Gagne (1993; 2015) namun definisi pintar berbakat (*gifted and talented*) dalam kalangan negara-negara Islam serta yang terpakai untuk komuniti Islam masih belum disepakati (Noriah Mohd Ishak, 2016). Cendekiawan Islam Pintar Berbakat (GTMS – *gifted and talented muslim scholar*) ialah gelaran (Rahim et al., 2016) yang diberikan kepada keberhasilan pendidikan berteraskan Al-Qur'an dan al-Sunnah (ilmu naqliyah) yang diintegrasikan dengan pendidikan sains dan teknologi (ilmu aqli) atau STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics) dengan kemahiran, ketelitian teknikal dan kesenian yang tinggi. Kolej PERMATA Insan merupakan salah satu daripada sekolah model yang dibangunkan secara eksklusif bagi menempatkan para pelajar bakal GTMS yang mempunyai tingkat kecerdasan (IQ) yang sangat tinggi selain mempunyai bakat-bakat menonjol luar biasa dengan keupayaan hafazan yang istimewa. Penubuhan kolej ini adalah bagi mendokong dan merealisasikan model pendidikan ulul albab kepada al-abrar serta penghasilan Cendekiawan Islam yang berpotensi tercalon sebagai Nobel Laureate Malaysia.

Usaha pendidikan berterusan dalam memperkasa keupayaan mencapai tahap al-abrar sebagaimana sedang giat diusahakan dalam model pendidikan ulul albab di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi ini perlu mendapat sokongan dalam segenap aspek. Ia merupakan satu proses berterusan dan selanjar bagi mendidik dan menggembeleng tenaga muda yang berpotensi besar bagi mencapai tahap keserjanaan yang tinggi. Aspirasi ini juga telah dibincangkan secara terperinci dan bermodul melalui gagasan STEMind – Science, Technology, Engineering and Mathematics Islamic and Da`wah (Rahim et al., 2015) serta gagasan Sains Tauhidik dan STEM berteraskan nilai Islam (Othman et al., 2015a, 2015b; Rahim et al., 2010).

Namun, akar umbi pembinaan cendekiawan Islam ini perlulah diinspirasikan daripada tokoh-tokoh ulung ilmuwan Islam yang terbilang dalam tamadun-tamadun Kerajaan Islam yang gemilang sewaktu Empayar Uthmaniyyah, Abbasiyyah dan Umayyah. Kecemerlangan cendekiawan Islam seperti Ibn Sina, Ibn Khaldun, Al-Khawarizmi, Ar-Razi dan lain-lainnya dengan legasi diwarisi Ulama' Alam Melayu seperti Tok Kenali, Syeikh Haji Abdullah Fahim, Syed Syeikh al-Hadi dan yang menyorotinya perlu menjadi inspirasi generasi pintar berbakat ini (Md Zain, 2016). Pemerksaan generasi pintar berbakat ini merupakan suatu harapan dalam mencetus anjakan paradigma gerakan dakwah abad ke-21.

### **NAQul INSAN™ SEBAGAI REKA BENTUK WASILAH DAKWAH GTMS**

Dalam kertas ini, maudhu' dakwah ialah ayat-ayat *kawniyyat* sebagaimana yang telah dibincangkan awal tadi. Manakala dai' yang sedang dibangunkan ialah generasi muda pintar dan berbakat yang menjadi harapan negara untuk merealisasikan impian menjadi cendekiawan Islam, mengembalikan kegemilangan empayar Islam terdahulu. Persekitaran pembangunan dan pendidikan generasi ini pula adalah berdasarkan penguasaan kemahiran abad ke-21. Atas landasan tersebut satu reka bentuk dalam wasilah dakwah abad ke-21 dalam kalangan cendekiawan Islam pintar berbakat (GTMS) diperkenalkan dan diperihalkan di bawah:

NAQul Insan™ adalah program berjenama yang dibangunkan di PERMATA Insan bermula April 2016. Ia merupakan suatu persembahan bicara ilmiah mengenai pentafsiran *ayat kawniyyat* berorientasikan fakta sains moden (tafsir ilmi). Format persembahan NAQul Insan™ direkabentuk dalam persekitaran kompetitif dan sangat teknikal yang menampilkan paparan audiovisual berterusan. Paparan audiovisual tersebut mengiringi pembicara tanpa henti sebagai latar belakang (background) yang memperincikan maksud kepada pembicara di hadapan (foreground). Perkataan “*naqul*” berasal daripada fiil “*qaala*” dalam bentuk *mudhari'* dengan *dhomir* “*nahnu*” yang memberi makna “kami berkata-kata” atau “kami sampaikan mesej atau risalah ini kepada anda”. NAQ ditulis dalam huruf besar sebagai akronim kepada Naqli dan Aqli yang merujuk kepada proses pengintegrasian ilmu naqli dan aqli yang berlaku dalam

memahami maksud ayat. Perkataan “insan” pula merupakan kata kunci penjenamaan Kolej Permata Insan yang sememangnya membangun dan memperkasa golongan pintar berbakat bagi mencapai tahap cendekiawan islam di masa hadapan.

Elemen inti pati bagi NAQul Insan™ ialah kekuatan dalam pentafsiran ayat yang diperkayakan dengan persembahan multimedia bagi elemen sains dan teknologi yang telah dan sedang diusahakan untuk memahami maksud ayat-ayat tersebut. Proses ini, sebagai mana yang disebut dalam Al-Qur'an sebagai tadabbur disampaikan kepada umum dengan fakta-fakta sains. Walau bagaimanapun, seperti yang digariskan dalam piawaian tafsir 'ilmi di atas tadi, ianya bukanlah suatu justifikasi kepada sebenar-benar maksud ayat (hal hakikat) tetapi suatu cara untuk berkomunikasi dan menyampaikan dengan berkesan secara visual ayat-ayat *kawniyyat* yang ditafsirkan, bukan sebaliknya, di mana teori sains yang membuktikan Al-Qur'an.

Persembahan NAQul Insan™ menampilkan teknik pengucapan awam atau boleh juga dikategorikan sebagai tazkirah dan kuliah umum dengan bantuan bahan multimedia dan gaya yang bersahaja oleh seorang ataupun beberapa orang berlatarbelakangkan visual yang sangat signifikan dengan perincian makna. Persembahan bicara ini mestilah bersahaja dengan rujukan ke atas visual yang tidak ketara atau bersitasi. Kebersahajaan pembicara (dai') menunjukkan penguasaan *maudhu'* yang digarap dengan baik walaupun kadangkala agak teknikal dan memerlukan pembicara untuk menukil sama simulasi yang sedang diperihalkan pada paparan audiovisual. Pada ketika di mana terpakai ayat-ayat perlu dibacakan dengan sepenuhnya, bacaan tersebut disampaikan dengan tajwid yang betul dan bertaranum. Manakala, bagi sebahagian atau potongan daripada ayat penyampaiannya perlu dengan tajwid yang betul.

Maka, NAQul Insan™ adalah suatu program berjenama yang dibangunkan bagi keseluruhan persekitaran program bual bicara ilmiah ini yang bermula daripada talaqqi, tasmik, tahfiz, tarjim, tadabbur kemudian proses yang membawa kepada gelintaran susastera (*literature review*), gerak kerja sains, pembangunan kandungan multimedia dan profesionalisme dai' dalam menyampaikan maksud. Dengan lain perkataan, keseluruhan proses dalam NAQul Insan™ ini melalui proses pembinaan dakwah *bil hikmah* bagi menyampai maksud ayat-ayat *kawniyyat* sehingga mencapai tahap tafsir 'ilmi.

Reka bentuk ini merupakan usaha berterusan dalam mentadabbur Al-Qur'an selain menjadi model pembentangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pidato umum selain menjadi wadah pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang lebih segar dan efektif. Sebagai satu pertandingan dicadangkan NAQul Insan™ ini menepati setiap piawaian yang telah digariskan. Panjang persembahan bicara itu tidaklah melebihi 5 minit bagi pembentangan satu-satu *maudhu'*. Ini bertepatan dengan tren masa kini yang memerlukan maklumat disampaikan dengan tepat dan padat dalam masa yang singkat berbanding kuliah dan celoteh panjang. Secara idealnya format NAQul

Insan™ adalah mirip pembentangan yang dikenali sebagai “three minutes thesis” (3MT) atau tesis dalam masa 3 minit di institusi-institusi pengajian tinggi seluruh yang dicetuskan pada mulanya oleh University of Queensland Australia pada tahun 2008 ([www.threeminutethesis.org](http://www.threeminutethesis.org)). Bilangan satu pasukan dai’ NAQul Insan™ tidak melebihi sepuluh orang yang terlibat dalam penyelidikan maudhu’, penulisan, pembangunan teknikal persembahan dan produksi. Peranan setiap ahli dalam pasukan perlu jelas termasuk pengarah projek dan editor. Setiap ahli pasukan perlu membicarakan maudhu’ dengan susunan maksimum tiga pembicara pada satu-satu pusingan. Kunci kepada keberkesanan NAQul Insan™ sebagai wasilah dakwah yang inovatif ialah penyampaian maklumat yang mengupayakan kelima-lima komponen utama dakwah (Md Zain, 2016) melalui sinergi pembicara, sinkroni latar belakang dan ketepatan masa. Gambaran NAQul Insan™ ini bolehlah diibaratkan gabungan bicara sains Islam yang menguja dan meyakinkan sesiapaupun oleh Dr. Zakir Naik yang dipadukan dengan bicara pelancaran dan pengenalan produk Apple yang berbantu paparan audiovisual menakjubkan manakala bersahaja oleh Steve Jobs. Sampel persembahan NAQul Insan™ berdasarkan ayat 68 dan 69 Surah al-Nahl yang dibangunkan daripada kandungan hasil penyelidikan Hazmi et al. (2015) dan Rahim & Mohamad Esa (2010) boleh dicapai di laman YouTube berikut: <https://www.youtube.com/watch?v=3zIebvZ8H6o>

## PENUTUP

Persediaan menghadapi cabaran dakwah masa depan menuntut suatu pendekatan yang lebih segar dan terkini yang diperkenalkan bagi menjadikan wasilah dakwah tersebut relevan dengan masyarakat masa kini. Ini sesuai dengan keperluan masyarakat pada era sains dan teknologi serta era komunikasi tanpa sempadan yang hanya akan berpuas hati apabila didatangkan bukti atau maksud secara empirikal. NAQul Insan™ sebagai reka bentuk wasilah dalam dakwah dilihat mempunyai potensi dalam menggembelng tenaga awal umur remaja untuk terus mengupayakan penyelidikan berdasarkan integrasi ilmu naqli dan aqli bagi merealisasikan tafsir ‘ilmi serta menggembelng peranan dai’ pada masa akan datang sebagai Cendekiawan Islam Pintar Berbakat (GTMS).

## RUJUKAN

- ‘Abbas, Fadl Hasan. 2005. Al-Tafsir Asasiyyatuh wa Ittijahatuh. Amman: Maktabah Dandis.
- ‘Ammar, Ahmad Mukhtar. 2008. Mu’jam al-Lughah al- ‘Arabiyyat al-Mu ‘asarat. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.
- ‘Atar, Nur al-Din. 1993. ‘Ulum al-Qur’an al-Karim. Damshiq: Matba’ah al-Sabah.
- ‘Umar, Ahmad ‘Ata. 2007. Al-Manhaj al-Qawim li al-Tafsir al-‘Ilmi fi al-Qur’an al-Karim, <http://vb.tafsir.net/tafsir7818/> (diakses pada 1 Julai 2013).

- Abdul Ghafar Don & Hailan Hj. Salamon. 2009. Dakwah kepada non-muslim di Malaysia: konsep, pendekatan dan cabaran. Al-Hikmah Jld. 1. hlm. 39-54. e-ISSN: 2462-1242.
- Afnibar Afnibar. 2011. Dakwah sebagai profesion: antara peluang dan cabaran. Al-Hikmah Jld. 3. hlm. 3-8. e-ISSN: 2462-1242.
- Al-'Ak, Khalid 'Abd al-Rahman. 1986. Usul al-Tafsir wa Qawa'iduh. Beirut: Dar al-Nafa'is, Cetakan ke-2.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 2000. Al-Tafsir wa al-Mufasssirun. Kaherah: Maktabah Wahbah, Cetakan ke-7, Jilid 2.
- Al-Fayruzabadi, Muhammad Ibn Ya'qub. 2005. Al-Qamus al-Muhit. Beirut: Muassasat al-Risalah, Ed. ke-8.
- Al-Khalidi 2008. Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin. Dimashq: Dar al-Qalam, Cet. ke-3.
- Al-Muslih, 'Abdullah 'Abd al-'Aziz & Al-Sawi, 'Abd al-Jawwad. 2008. Al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Qur'an wa al-Sunnah: Manhaj al-Tadris al-Jami'i. Jeddah: Dar al-Jiyad li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Najjar, Zaghlul. 2007. *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyat fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyat.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1997. "Nazarat fi al-Tafsir al-'Ilmi li al-Qur'an", Jurnal Pusat Penyelidikan al-Sunnah dan al-Sirah, No. 9. hlm. 23-24.
- Al-Rumi, Fahd 'Abd al-Rahman. 1997. Ittijahat al-Tafsir fi al-Qarn al-Rabi'. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jld. 2.
- Al-Shiddi, 'Adil 'Ali. 2010. Al-Tafsir al-'Ilmi al-Tajribi li al-Qur'an al-Karim Judhuruhu wa Tatbiqatuhu wa al-Mawqif Minh. Riyad: Dar al-Watan li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Atar, Nur al-Din. 1993. 'Ulum al-Qur'an al-Karim. Dimashq: Matba'at al-Sabah.
- Izfa Riza Hazmi, Mohamad Faris Mohamad Esa, Faszly Rahim & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2015. Madu. Dlm. Faszly R., Wan Nasyrudin W.A. & Aminah A. (Pnyt.) Indahnya Pemakanan dan Perubatan Islam. Hlm. 331-344. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Faszly Rahim & Mohamad Faris Mohamad Esa. 2010. Penyelidikan Sains Tauhidik: kes biologi koloni serangga. Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik. hlm. 65-76.
- Faszly Rahim, Faizal Mohamed & Khalijah Mohd Salleh. 2010. Metodologi dalam Sains Tauhidik: Suatu suap balik penjelasan ayat. Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik. hlm. 56-64.
- Faszly Rahim, Zanaton Iksan, Oziah Othman, Wan Nasyrudin Wan-Abdullah, Siti Norul Huda Syeikh Abdullah, Norhana Arsad, Azmin Sham Rambely, Sharina Abu Hanifah, Marlia Mohd Hanafiah, Nurul Huda Abdul-Karim, Nurul Wahida Othman, Izfa Riza Hazmi, Muhamad Ruzi Abdul-Rahman, Wan Juliana Wan-Ahmad, Salmah Karman, Siti Zaleha Mat-Diah, Mohd Taib Jiddan Mohamed Tahir, Nur Aliyatul Husna Yahya, Muhammad Faris Mohammad Esa, Mohamad Asraf Mohd Bakri, Nurul Hidayah Ahmad

- Suhaimi, Norzainih Jasmin Jamin, Khairul Qamar Rusli, Muhammad Khuzaifah Ismail, Farah Aqilah Bohani, Muhammad Muaz Aminordin, Haikal Mubarak Ghazali, Ahmad Shafiq Mat Razali, Nor Aina Musa, Izwan Azmi, Mohammad Hakim Assiddiq Razalan, Hardy Adrian Amir Chin, Nani Mansor, Ishak Ahmad, Zamri Zainal & Lilia Halim. 2015. *Pemeriksaan Ulul Albab melalui modul STEM bersepadu STEMind*. Online Journal of Islamic Education 3 (Special Issue). Hlm. 1-12. e-ISSN: 2289-3016.
- Faszly Rahim, Amirah Zainun, Diani Mardiani Mat Zin, Syamil Ahmad Syakir & Nik Salida Suhaila Nik Saleh. 2016. *Pipelining early the childhood ambitions of the gifted and talented insan (GTinsan™) at PERMATA Insan College for future job market challenges and da'ie realisation*.
- Françoys Gagné (2004) *Transforming gifts into talents: the DMGT as a developmental theory*. High Ability Studies Vol. 15 2): 119-147.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2009. *Dakwah melalui pemanfaatan sumber daya alam dan kehidupan lingkungan*. Al-Hikmah Jld. 1. hlm. 115-124. e-ISSN: 2462-1242.
- Mohd Yusof Hj Othman, Azami Zaharim, Mashitoh Yaacob, Faszly Rahim, Ibnor Azli Ibrahim, Zulkifli Mohd Nopiah. 2015. *Tauhidic Science: What & Why? Proceed. of Recent Advances in Computer Supported Education*. Hlm. 63-71.
- Mohd Yusof Hj Othman, Ibnor Azli Ibrahim, Mashitoh Yaacob, Azami Zaharim, Faszly Rahim. 2015. *Integration of acquired and revealed knowledge in STEM education*. Proceedings of The 5th East Asia and Pacific Conference on Philosophy of Science Century; Seoul, Korea. Hlm. 147-150.
- Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad. 2013. *Media sebagai wasilah dakwah*. Al-Hikmah Jld. 5. hlm. 92-99. e-ISSN: 2462-1242.
- Noresah Baharom. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prof. Dato' Dr. Noriah Mohd Ishak. 2016. *Ucapan pergulungan*. 1st International Association of Talent Development Conference. Auditorium Pusat PERMATApintar™ Negara 18 Ogos 2016.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abd. Ghafar Don & Abu Dardaa Mohamad. 2012. *Dakwah kepada golongan muallaf orang asli di Kelantan*. Al-Hikmah Jld. 4. hlm. 187-105. e-ISSN: 2462-1242.
- Salmadanis. 2009. *Posisi ilmu dakwah dalam keilmuan lainnya*. Al-Hikmah Vol. 1. Hlm. 55-73.
- Salmadanis. 2010. *Kembali ke akar rumpun metode dakwah Al-Nahl 125*. Al-Hikmah Jld. 2. hlm. 3-33. e-ISSN: 2462-1242.
- Siti Masaliny Ismail. 2005. *Al-Ayat al-Kawniyyat Menurut al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Surah "al-Nahl" (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)*.
- Siti Rugayah Tibek. 2011. *Profesionalisme dakwah: harapan dan cabaran*. Al-Hikmah Jld. 5. hlm. 92-99. e-ISSN: 2462-1242.



- Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zain. 2016. Dakwah dalam arus kemajuan negara. Utusan Malaysia, 17 Ogos 2016. hlm. 27.
- Three Minute Thesis. [www.threeminutethesis.org](http://www.threeminutethesis.org)
- Zanaton H Iksan, Wan Nasrudin Wan-Abdullah, Azmin Sham Rambely, Wan Juliana Wan Ahmad, Izfa Riza Hazmi, Sharina Abu Hanifah & Faszly Rahim. 2015. Pengintegrasian Sains Tauhidik dan mentaddabur Al-Quran melalui Kem Pandang Alam. Proceedings of the International Seminar on Tarbiyah (ISoT) 2015. hlm. 441-454.
- Zulkifli Mohd Yusoff. 2009. Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Zulkipl Abd. Ghani. 2009. Dakwah menerusi medium kaset dan video cakera padat (VCD). Al-Hikmah Jld. 1. hlm. 75-97. e-ISSN: 2462-1242.